

UM.TNC4/JHB/BA/757/SP/2024
21 Ogos 2024☎ : (+6) (03) 7967 7730
☎ : (+6) 012-244-7006
✉ : ramesh79@um.edu.my

SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

PELAKSANAAN SIFAR PLASTIK SEKALI GUNA (ZERO SINGLE-USE PLASTICS) DI SEMUA PREMIS MAKANAN, UNIVERSITI MALAYA

Dengan segala hormatnya Surat Edaran bertarikh 13 Ogos 2024 berkaitan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman tuan/puan, sejajar dengan saranan Kerajaan Malaysia berkenaan Strategi Pelaksanaan Menghindari Plastik Sekali Guna (*Zero Single-Use Plastics*), Universiti Malaya (UM) menyokong penuh dan bersetuju untuk melaksanakan Garis Panduan dan Pelaksanaan Sifar Plastik Sekali Guna (*Zero Single-Use Plastic*) di Universiti Malaya.

3. Pelaksanaan penuh perkara ini akan berkuatkuasa pada **01 November 2024** di mana tuan/puan diberikan tempoh tangguh (*Grace Period*) bagi pengurangan penggunaan plastik sekali gus bermula 8 Ogos 2024 sehingga 31 Oktober 2024. Tuan/puan **diwajibkan** untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak UM seperti di bawah ini:

- 3.1 Tidak menggunakan *polisterin* dan/atau *straw* plastik konvensional;
- 3.2 Tidak menggunakan pembungkus makanan dan minuman plastik daripada jenis yang bukan biodegradasi; dan
- 3.3 Penggunaan botol kaca, jag air dan seumpamanya digunakan bagi menggantikan botol plastik air mineral bagi aktiviti dan majlis rasmi UM.


4. Pihak UM akan menjalankan pemeriksaan secara berkala pada bila-bila masa bagi memastikan tuan/puan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan ini. Tindakan **penamatan sewaan** boleh diambil sekiranya didapati tuan/puan **gagal** mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

5. Sebarang pertanyaan lanjut, tuan/puan boleh menghubungi Ts. Dr. Julia Mohd Nor, Ketua, Bahagian Aset, Jabatan Harta Benda, UM di talian 03-7967 6949 atau e-mel: bph_jpphb@um.edu.my. Kerjasama dan keprihatinan daripada tuan/puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

Home of the Bright, Land of the Brave
Di Sini Bermulanya Rintar, Tanah Tumpahnya Berani

Yang menjalankan amanah,

PROFESOR IR DR RAMESH SINGH
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)